

10 JUN 1996

DEWAN NEGARA DITANGGUH SELEPAS BERSIDANG 15 HARI

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Persidangan Dewan Negara selama 15 hari mulai 14 Mei lepas ditangguhkan malam ini ke atu tarikh yang belum ditetapkan.

Antara perkara utama yang dibahaskan pada persidangan kali ini ialah usul Rancangan Malaysia Ke Tujuh (RMK7) dan usul terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong sempena perasmian persidangan Penggal Kedua Parlimen Yang Ke Sembilan.

Pembentangan usul RMK7 dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Mei di Dewan Rakyat manakala pembentangan di Dewan Negara dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 28 Mei.

Sepanjang tempoh persidangan, sebanyak 15 rang undang-undang diluluskan dan tujuh daripadanya diluluskan hari ini.

Tujuh rang undang-undang itu ialah Rang undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1995, Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995, Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 1995 dan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1996.

Tiga lagi yang turut diluluskan ialah Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekililing (Pindaan) 1996, Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 1996 dan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996.

Rang undang-undang lain yang telah diluluskan ialah Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1996, Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995, Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995, Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995 dan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995.

Rang undang-undang lain ialah Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 1996 dan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1995. -- BERNAMA

NZ NAK